



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 13 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	LAGI INDIVIDU DIREMAN SKANDAL KARTEL DAGING, NEGARA, KOSMO -14 EJEN HANTAR KARTEL DAGING DIREMAN LIMA HARI, DALAM NEGERI, UM -29 EJEN PENGHANTAR KENA REMAN 5 HARI, LOKAL, HM -17	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	SABARLAH PAK HALIMI, LOKAL, HM -11	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	EUROFRESH TAPS LOCAL FRESH BEEF DISTRIBUTION, NEWS/OPINION, NST -10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	NEKMAT GO HANTAR IKAN KE TAMAN RUMAH, NEGARA, KOSMO -16	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
7. 8. 9. 10. 11.	BEKAS KETUA PENOLONG SETIAUSAHA MOA DIDAKWA MINTA, TERIMA RASUAH, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -18 BEKAS PEGAWAI MOA DIDAKWA 3 PERTUDUHAN, NASIONAL, BH -17 REZEKI NELAYAN SAUK IKAN BELANAK, NEGARA, KOSMO -17 CENDAWAN PKP RAIH PENDAPATAN LUMAYAN, BISNES SINAR, SH -22 USAHAKAN 81,000 HEKTAR TANAH TERBIAR, RENCANA, UM -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lagi individu direman skandal kartel daging

JOHOR BAHRU – Seorang ejen penghantaran direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini semalam bagi membantu siasatan kes kartel daging sejuk beku import yang didedahkan awal Disember lalu.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Fathiah Mohd Fedzier selepas mendapat permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Lelaki itu direman sehingga 16 Januari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, Pengarah SPRM, Datuk Azmi Alias mengesahkan mengenai penahanan suspek berusia 55 tahun itu di Pejabat SPRM Johor kira-kira pukul 8 malam kelmarin.

Pada Khamis lalu, dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor direman selama lima hari.

Kedua-dua individu berusia 27 dan 31 tahun itu direman mengikut Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bagi siasatan lanjut.

Turut direman bagi membantu siasatan adalah seorang pengarah dan tiga pekerja sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku berusia antara 39 hingga 50 tahun.

Pada 2 Disember lalu, Maqis mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.



EJEN penghantaran (kanan) yang direman selama lima hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes kartel daging.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29



LELAKI yang juga ejen penghantaran direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung kegiatan kartel daging di Mahkamah Majistret di Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/ BAAZLAN IBRAHIM

Ejen hantar kartel daging direman lima hari

JOHOR BAHRU: Seorang ejen penghantaran direman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini semalam bersabit kegiatan kartel daging sejuk beku import yang didedahkan awal Disember lalu.

Perintah reman dibenarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Majistret Johor Bahru, Nur Fathiah Mohd. Fedzier selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor membuat permohonan berkenaan pagi, semalam.

Suspek lelaki berusia 55 tahun ditahan di Pejabat SPRM Johor kira-kira pukul 8 malam semalam.

Lelaki itu direman sehingga

16 Januari ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

Khamis lalu, dua pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor yang berusia 27 dan 31 tahun turut direman selama lima hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, seorang pengarah dan tiga pekerja sebuah syarikat pengimport daging sejuk beku berusia 39 hingga 50 tahun direman empat hari yang

berakhir pada Khamis minggu lalu.

Kesemua mereka yang direman sejak Isnin itu dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas tempoh tahanan reman tamat.

Pada 2 Disember tahun lalu, MAQIS mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk dijual di pasaran tempatan.

Difahamkan, kartel yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti terbabit turut menawarkan habuan wang tunai dan seks bagi melindungi dan memastikan kegiatan mereka boleh dijalankan dengan bebas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2021	HARIAN METRO	LOKAL	17



SUSPEK dikenakan perintah reman lima hari oleh Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam.

KARTEL DAGING IMPORT

Ejen penghantar kena reman 5 hari

Johor Bahru

Seorang ejen penghantaran daging sejuk beku dikenakan perintah reman lima hari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam dipercayai terlibat dalam kegiatan rasuah berhubung isu skandal kartel daging.

Perintah reman sehingga 16 Januari itu dikeluarkan Penolong Pendaftar Nur Fathiah Mohd Fedzir yang membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan lelaki itu

disiasat di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Lelaki berusia 55 tahun yang direman itu diwakili peguam bela dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan.

Lelaki berkenaan ditahan di pejabat SPRM Johor malam kelmarin bagi membantu siasatan yang dijalankan.

Tertuduh yang berpakaian baju lokap SPRM berwarna oren tiba di pekarangan mahkamah pada jam 8.45 pagi semalam dengan diiringi pegawai

SPRM menaiki kenderaan agensi itu.

Kelmarin, Pengarah SPRM Johor Datuk Azmi Alias ketika dihubungi, mengesahkan tangkapan lelaki itu pada jam 8 malam kelmarin, namun enggan mengulas lanjut berikutan kes masih dalam siasatan.

Pada 4 Januari lalu, empat individu termasuk dua pengarah syarikat pengimport daging sejuk beku turut direman kerana dipercayai terlibat dalam kes rasuah dalam aktiviti penyeludupan bahan mentah itu.

Tiga hari kemudian, dua

pegawai Maqis ditahan SPRM Johor kerana disyaki terlibat dengan kegiatan rasuah berhubung isu aktiviti penyeludupan bahan mentah sejuk beku dari negara dilarang untuk dibawa masuk ke Malaysia.

Pada 1 Disember tahun lalu, pihak berkuasa menyerbu sebuah kilang di Senai, sekali gus mendedahkan kegiatan kartel daging sejuk beku import yang membawa masuk daging tanpa sijil halal sebelum meletakkan logo halal palsu untuk membolehkannya dijual di pasaran tempatan.



Sabarlah Pak Halim!

Pengusaha ikan sangkar kerugian RM800k akibat kepala air

Oleh Mohd Rashidi
Yusuf
am@hmetro.com.my

Lenggong

Pengusaha ternakan ikan darat dalam sangkar tidak patah semangat walaupun mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai kira-kira RM800,000 apabila projek diusahakannya musnah dilanda kepala air pada Jumaat lalu.

Halim Bakar, 73, tinggal di Kampung Kelantan, Kuak dekat sini, berkata, dia tetap akan meneruskan usahanya walaupun terpaksa menanggung kerugian kali kedua selepas banjir besar 2014.

Menurutnya, kerugian mengusahakan sesuatu projek kerana dilanda musibah adalah perkara biasa yang orang lain juga tidak terlepas mengalaminya.

Sebaliknya, dia berasa bersyukur kerana beberapa pihak antaranya Jabatan Perikanan Hulu Perak, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Penghulu Mukim Durian Pipit datang melawat selepas projeknya itu ditimpa musibah.

"Ini musibah kali kedua, ketika banjir besar pada 2014 saya alami kerugian kira-kira RM1 juta," katanya.

Dalam kejadian itu, lima sangkar ternakan ikan darat yang diusahakannya di Lubuk Puteri, Sungai Perak dekat sini musnah.



HALIM

Kejala air itu menyebabkan sangkar ternakan ikan tilapia dan jelawat kemek dan ada yang pecah, manakala dua sangkar milik jirannya turut musnah.

Menurut Halim, empat sangkarnya mengandungi kira-kira 100,000 ikan tilapia bersaiz antara 500 gram hingga 1.4 kilogram dan sa-

tu lagi ada 5,000 jelawat bersaiz antara 800 gram hingga 1.5 kilogram.

"Ikan di kelima-lima sangkar itu berusia kira-kira enam bulan dan hanya baru beberapa kali hasilnya dapat dijual kepada peraih.

"Hasil ternakannya selama ini dijualnya kepada Restoran Tasik Raban, Pasar Besar Lenggong, Gerik dan Kuala Kangsar dan sebuah restoran di Selangor secara borong dengan harga antara RM14 dan RM16 untuk ikan tilapia dan RM25 bagi ikan jelawat sekilogram.

"Sayang sekali kerana ikan-ikan itu terutama tilapia yang sebahagiannya tidak dapat keluar dari sangkar yang kemek dan mati lemas begitu sahaja.

"Saya anggarkan hanya 40 peratus sahaja yang berjaya keluar dari sangkar yang pecah," katanya.



“
Ketika banjir
besar pada 2014
saya kerugian
kira-kira
RM1 juta
Halim

LIMA sangkar tilapia dan jelawat musnah dihimpit kepala air yang deras Jumaat lalu menyebabkan kerugian RM800,000.

18/1/2021

NST

NEWS/OPINION

10

UPHOLDING HALAL STATUS

Eurofresh taps local fresh beef distribution

KUALA LUMPUR: Eurofresh Sdn Bhd, a subsidiary of the Perak Agricultural Development Corporation (PPPNP), will soon venture into the distribution of fresh local beef as part of its long-term plan.

Perak Plantations, Agriculture and Food Industries Committee chairman Razman Zakaria said people were starting to question the halal status of imported frozen beef following last year's news report on a meat cartel.

This is, despite the country being reliant on imported beef, which comprises 70 per cent of the domestic supply.

"When people are in doubt, it affects the economy, hence the plan to market fresh beef to the people,"

Razman said at a press conference after visiting the Eurofresh outlet here yesterday.

Present was PPPNP chief executive officer Yahanis Yahya.

Eurofresh has 41,448 cattle from more than 1,000 breeders and

22,887 goats from more than 700 breeders.

Previously, 30 entrepreneurs established cooperation with PPPNP in livestock projects involving cattle and goats in Perak.

PPPNP also collaborated with the Perak Veterinary Services Department in health screening, advisory services and the issuance of permits involving livestock such as cattle.

Eurofresh will establish cooperation with the entrepreneurs and breeders in purchasing fresh beef to improve their business.

Its general manager, Mohamad Hisam Mohamad Yusof, said the move opened the doors to expand the company in supplying fresh beef for its buyers.

This will also indirectly reduce the dependency on food imports, as well as currency flow abroad.

"We will try to get a processing hub to gather the beef supply.

"The company will act as a dis-



Perak Plantations, Agriculture and Food Industries Committee chairman Razman Zakaria (third from left) during a visit to Eurofresh Sdn Bhd in Kuala Lumpur yesterday. With him are Eurofresh chief executive officer Yahanis Yahya (second from left) and general manager Mohamad Hisam Mohamad Yusof (right). PIC BY EIZAIRI SHAMSUDDIN

tribution arm to distribute beef to the local market. The market demand in Klang Valley is naturally bigger, so we will tap this market once we are established," Hisam said.

Last year, the *New Straits Times* reported that senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand-in-glove with a cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards were upheld, were bribed in order to turn a blind eye to the cartel's operations and ensure that their activities

were not detected. It is understood that the cartel had been in operation for more than 40 years.

Eurofresh has given a solid assurance that its imported frozen meat and seafood are guaranteed halal.

The company also stressed that it is obliged to ensure its imported stocks are certified halal by the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) with import permit approval by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) before it is sold in the local market.

The frozen meat is imported from Australia, New Zealand, India, Brazil and Japan, while seafood is

from Chile, Alaska, Korea and China and does not involve any middleman or mediator to ship the products into the country, the company assured.

Eurofresh will neither compromise nor establish business relationships with any parties that do not comply with the guidelines set by the two agencies. This is due to the fact that halal is part of the Islamic law.

The company will uphold the good name of its parent company, PPPNP, which is a government-linked company to the Perak government, besides being the largest shareholder of the company through Ladang Lekir Sdn Bhd (LLSB).



AHMAD (dua dari kiri) melancarkan Pasar Mini NEKmart dan NEKmart Mobile di Taman Wahyu, Kuala Lumpur semalam.

NEKmart GO hantar ikan ke taman rumah

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) akan melancarkan program NEKmart GO bertujuan memudahkan orang ramai mendapatkan bekalan ikan segar pada harga berpatutan bermula minggu depan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan, (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, melalui program itu Nekmat akan membawa bekalan ikan diperoleh daripada nelayan memasuki kawasan-kawasan perumahan dengan menggunakan lori.

“Kita akan melancarkan NEKmart GO minggu ini. Buat permulaan NEKmart GO beroperasi dengan sebuah lori di sekitar Lembah Klang sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara.

“Kita bawa bekalan ikan segar untuk dijual secara terus kepada orang ramai di kawasan-kawasan perumahan termasuk flat,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* pada majlis Pelancaran Pasar Mini NEKmart dan NEKmart Mobile di sini semalam.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah

mewakili Menteri, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee yang tidak dapat hadir.

Abdul Hamid berkata, NEKmart GO juga secara tidak langsung memudahkan orang ramai yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapatkan bekalan ikan segar.

Sementara itu, Ronald dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Ahmad berkata, warga Nekmat juga antara barisan hadapan negara dalam berdepan pandemik Covid-19.

Ujarnya, Nekmat berperanan dalam menjamin bekalan makanan negara sentiasa cukup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	18

Bekas Ketua Penolong Setiausaha MOA didakwa minta, terima rasuah

KUALA LUMPUR - Seorang bekas Ketua Penolong Setiausaha sebuah kementerian didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung pemberian tender pembekalan dan penghantaran baja bio kepada beberapa syarikat tahun lalu.

Shahrulzaman Jaafar, 43, yang kini memegang jawatan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Kampus Wilayah Selatan bagaimanapun, mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan ke atasnya dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh yang ketika kejadian merupakan pegawai di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) didakwa meminta suapan iaitu wang berjumlah RM2

juta daripada Wan Nor Izham Wan Nas-har.

Bagi pertuduhan kedua, Shahrulzaman didakwa menerima suapan berjumlah RM85,000 daripada Wan Nor Izham melalui sebuah akaun bank yang didaftarkan dengan nama SZA Niaga sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender kepada tiga syarikat sama di Maybank cawangan Taman Setiawangsa pada 10 pagi, 30 Julai tahun lalu.

Tertuduh juga didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah RM40,000 daripada Hazrul Hisyam Hassan sebagai upah bagi dirinya kerana membantu lelaki itu mendapatkan tender sama kepada syarikat KIIK Resources Sdn Bhd.

Azura kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM60,000 dan menetapkan 24 Februari depan untuk sebutan semula kes. - *Bernama*

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/1/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	17

Kes rasuah tender baja

Bekas Pegawai MOA didakwa 3 pertuduhan

Kuala Lumpur: Seorang bekas Pegawai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga tuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung pemberian tender pembekalan serta penghantaran baja bio kepada beberapa syarikat, tahun lalu.

Shahrulzaman Jaafar, 43, yang kini Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Selatan bagaimanapun, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan terhadapnya yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Azura Alwi.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Shahrulzaman yang ketika itu Ketua Penolong Setiausaha Kanan MOA didakwa meminta suapan wang RM2 juta daripada Wan Nor Izham Wan Nashar.

Tindakan itu sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender membekal dan menghantar baja bio di bawah

Skim Insentif Pengeluaran kepada tiga syarikat, Endona Corporation Sdn Bhd, Qamari Consultancy Sdn Bhd dan Borneo Natura Sdn Bhd; berjumlah RM118,165,171.65 di kedai makan di Jalan Berjasa, di sini, sekitar Februari tahun lalu.

Bagi pertuduhan kedua, Shahrulzaman didakwa menerima suapan RM85,000 daripada Wan Nor Izham melalui akaun bank milik SZA Niaga sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender kepada tiga syarikat sama di Maybank cawangan Taman Setiawangsa pada jam 10 pagi, 30 Julai 2020.

Shahrulzaman turut dituduh menerima wang tunai RM40,000 daripada Hazrul Hisyam Hassan sebagai upah membantu lelaki itu mendapatkan tender sama kepada syarikat KIIK Resources Sdn Bhd dengan nilai keseluruhan RM37,478,572.55 di hadapan sebuah hotel di Jalan Klang Lama pada jam 12 tengah hari, 17 Ogos tahun lalu.

Rezeki nelayan sauk ikan belanak

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

BACHOK – Nelayan yang tinggal di pesisir Pantai Melawi di sini mencari rezeki dengan kaedah lain tatkala mereka tidak dapat turun ke laut dengan menangkap ikan belanak yang banyak di kawasan itu ketika musim tengkujuh.

Ikan belanak yang bersaiz sederhana itu hanya akan muncul di kawasan pesisiran pantai setiap kali bulan November hingga Mac.

Menurut seorang penduduk, Mohd. Noor Awang, 36, dia mula menyauk ikan belanak di kawasan itu sejak dua bulan lalu kerana tidak boleh keluar menangkap ikan di laut sewaktu musim tengkujuh.

Katanya, dia akan keluar pada pukul 10 pagi kerana ketika itu keadaan ombak tenang sekaligus memudahkan kerja-kerja menangkap ikan menggunakan penyauk yang direkanya sendiri.

"Saya membuat penyauk ini dengan modal sebanyak RM50 dengan menggunakan batang ni-

ketika ditemui peminat di pesisir Pantai Melawi di sini kelmarin.

Mohd. Noor berkata, hasil yang diperolehi akan dijual kepada peraih dan orang rama dengan harga antara RM6 hingga RM8 setilogram.

Katanya, ikan belanak lebih enak apabila dimasak asam pedas, goreng kunyit, goreng celup tepung dan boleh dibuat ikan pekasam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Mohd. Khairil Mohamad, 27, berkata, dia juga mula menangkap ikan itu sejak dua bulan lalu selepas melihat spesies tersebut banyak bermain-main di pesisiran pantai.

Katanya, sekiranya memperoleh hasil yang banyak, dia akan menjualnya kepada peraih yang berniaga di pasar berdekatan.

"Kerja menyauk ikan belanak ini merupakan hobi saya. Kebiasaannya ikan yang ditangkap sekadar untuk makan bagi ahli keluarga sahaja dan akan dijual sekiranya memperoleh hasil yang banyak," jelasnya lagi.



MOHD. KHAIRIL (kanan) bersama dua saudaranya sedang menyauk ikan belanak di Pantai Melawi, Bachok kelmarin.

jak 15 tahun lalu.

bong dan jaring. Teknik membuat penyauk ini dipelajari daripada arwah datuk saya, Awang Nuh yang sudah meninggal dunia se-

16 kilogram ikan belanak sehari. Kebiasaannya, kerja-kerja menangkap ikan akan dilakukan sehingga lewat petang," katanya

peroleh sebanyak 15 hingga

Cendawan PKP raih pendapatan lumayan

Hasil jualan pasangan suami isteri ini mencecah lebih RM3,000 sebulan

Oleh SITI ZUBAIDAH ZAKARAYA

SUNGAI PETANI

Percubaan menanam cendawan tiram kelabu oleh pasangan suami isteri dari Taman Bandar Baru, Sungai Lalang di sini yang sekadar suka-suka sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada Mac lalu, akhirnya menjadi sumber pendapatan.

Mohd Zakri Ramli, 31, berkata, pada mulanya, dia dan isteri, Nor Amirah Mohd Jamil, 29, cuba menanam cendawan untuk dijadikan sebagai pendapatan sampingan memandangkan sebelum ini menjalankan perniagaan barangan keperluan.

Bagaimanapun, pelaksanaan PKP menyebabkan perniagaan mereka terjejas dan sejak itu memberi tumpuan sepenuhnya



Cendawan tiram kelabu menerima permintaan tinggi di pasaran.

kepada penghasil cendawan yang mampu meraih pendapatan lumayan.

"Tak sangka pula bahawa cendawan tiram kelabu yang kami usahakan di rumah mendapat permintaan tinggi pasaran terutama semasa PKP," katanya. Bermodalkan hanya RM700, mereka menggunakan ruang dalam rumah untuk menempatkan bongkah cendawan yang disiram tiga kali sehari.

Menceritakan detik permulaan sebelum memulakan penanaman cendawan, kedua-duanya yang tidak mempunyai

pengalaman menjelaskan, hanya belajar melalui YouTube.

"Semuanya belajar sendiri dan cuba buat. Mula-mula tak percaya juga, namun lama-kelamaan semakin banyak permintaan sehingga kini boleh menghasilkan kira-kira 15 kilogram sehari.

"Cendawan matang dan boleh dikutip dalam tempoh sekurang-kurangnya enam hari. Selepas itu, ia akan mengeluarkan pucuk baharu dan berkembang semula.

"Bongkah perlu ditukar dalam tempoh enam bulan kecu-



Mohd Zakri dan Nor Amirah mengasahakan penanaman cendawan tiram di rumah.



Nor Amirah menunjukkan cendawan yang diusahakannya.

aji terdapat gangguan kulat dan bakteria, ia perlu dicuci atau ditukar baharu," katanya.

Menurutnya, cendawan sensitif terhadap cahaya, asap rokok mahupun minyak wangi selain kandungan air yang banyak juga akan memberi kesan tidak baik terhadap penghasilan cendawan kerana berisiko menjadi kulat hijau.

Katanya, setakat ini, hasil jualan cendawan yang dipasarkan mencecah lebih RM3,000 sebulan dengan anggaran bongkah cendawan yang dimiliki melebihi 4,000 unit yang ditambah dari masa ke masa.

Menurutnya, biarpun rumit, tetapi ia hanya memerlukan kos serta peralatan yang minimum di mana bongkah cendawan dijual serendah RM4 seunit.

Selain itu, Nor Amirah berkata, penanaman cendawan juga sesuai bagi mana-mana usahawan yang terjejas akibat PKP terutama suri rumah dan ibu tunggal secara kecil-kecilan.

"Golongan suri rumah juga boleh memanfaatkan ruang yang ada di kediaman mereka bagi menambah pendapatan kerana ia mudah dijaga," katanya.



Nor Amirah membant pemeriksan bagi perlu memastikan tiada kehadiran organisma perosak yang boleh memberi kesan kepada pertumbuhan tunas baharu.



Rumah cendawan yang diusahakannya pasangan suami isteri di Taman Bandar Baru Sungai Lalang, Sungai Petani, Kedah.

ISMAIL
OMAR

NEGARA dikejutkan dengan isu daging import yang menggunakan logo halal palsu, baru-baru ini. Rupa-rupanya, perkara ini berjalan sekian lama tanpa disedari. Lebih menyedihkan, logo halal disalahgunakan dengan cara begitu licik sekali.

Negara kita menghadapi cabaran getir apabila sumber makanan bernilai RM45 bilion diimport dari luar. Daging dibeli dari Australia, New Zealand dan India. Buah-buahan diimport dari Amerika Syarikat dan Australia. Begitu juga bekalan ikan dari Thailand, sayur-sayuran dari Holand, susu segar dari Australia dan New Zealand serta pakaian dari China. Dikatakan sesebuah negara yang lemah adalah negara yang tidak mampu mengeluarkan makanan untuk keperluan rakyatnya sendiri.

Rakyat amat sedih apabila mendapati beberapa projek yang mampu menghasilkan makanan dan sayur-sayuran segar kurang mendapat sambutan. Kita sudah tidak mendengar lagi Rancangan Buku Hijau. Tiada lagi promosi dan galakan minum air kelapa muda di hotel-hotel besar. Sayup-sayup kedengaran projek fertisasi sayur-sayuran di bandar. Begitu juga projek-projek agro tani yang mampu menghasilkan daging segar daripada ternakan puyuh, rusa, selembu, seladang dan kerbau.

Namun demikian, Belanjawan 2021 memperuntukkan sebanyak RM50 juta untuk projek pertanian organik, RM150 juta penambahbaikan nelayan serta RM100 juta projek ternakan dan pertanian berimpak tinggi. Rakyat mengharapkan peruntukan yang disediakan mampu menambah keupayaan petani, penternak dan peladang untuk menambah penghasilan keluaran makanan negara.

Pada masa sama, kita mendengar beribu-ribu rakyat menghadapi masalah kesihatan jantung, hati, hempedu dan buah pinggang a akibat



KITA masih bergantung kepada daging import dari negara-negara luar seperti Australia, New Zealand dan India. - GAMBAR HIASAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Usahakan 81,000 hektar tanah terbiar

kekurangan pengambilan serat, daging segar dan ikan segar. Akibatnya, kos perubatan rakyat meningkat. Kerajaan pula perlu menampung kos tinggi berkenaan. Oleh yang demikian, pemakanan seimbang amat diperlukan. Tentu sekali pemakanan seimbang datang daripada sumber makanan berkhasiat dan segar.

KHAZANAH

Amat malang sekali, dalam masa negara bergelut dengan usaha untuk menggembleng tenaga menghasilkan makanan sendiri, mengurangkan import dan meningkatkan eksport, kita digemparkan dengan isu daging import yang disalahgunakan. Permit dan logo serta sijil halal yang asli dipalsukan. Sesungguhnya, mereka yang terlibat dalam perkara ini merupakan petualang bangsa, agama dan negara. Tindakan sekeras-kerasnya perlu diambil pihak berkuasa.

Walaupun demikian, selain

tindakan tegas, kita perlu mencari jalan penyelesaian kepada kekurangan keluaran makanan dalam negara. Fakta yang amat penting adalah negara kita mempunyai khazanah pertanian dan makanan yang kaya dan tanahnya subur serta topografi yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman dan ternakan. Buktinya, kita mampu menghasilkan sayur-sayuran, epal, strawberi dan teh berkualiti di Cameron Highlands, ternakan lembu di Pahang, epal di Sabah dan ikan air tawar di seluruh negara.

Barangkali kelemahan kita adalah penggunaan teknologi tinggi dan kelemahan modal insan dalam bidang pertanian dan ternakan. Sedihnya, apabila pakar-pakar yang berada di universiti yang terletak di luar bandar melupai keutamaan penyelidikan dalam bidang pertanian tetapi lebih cenderung menyelidik isu-isu berkaitan keperluan di bandar. Ramai juga yang

menggururkan silibus pertanian dalam program akademik mereka.

Sehubungan itu, jalan penyelesaian perlu dicari. Salah satu cara untuk menambah baik pengeluaran hasil pertanian dan ternakan adalah melalui wakaf ternakan dan pertanian. Secara umumnya, dana wakaf boleh dikumpul melalui pelbagai cara. Kerajaan boleh mengeluarkan wakaf ir sod, wakaf tunai boleh dijana melalui pendanaan awam dan sebagainya.

Dengan pengumpulan dana wakaf ini, bantuan loji dan jentera pertanian dan penternakan boleh disumbangkan (secara wakaf) kepada badan-badan berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Felda dan Felcra.

TERBIAR

Lagipun, dilaporkan kira-kira 81,000 hektar tanah pertanian terbiar berpotensi

untuk dimajukan di seluruh negara. Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mampu memberi khidmat nasihat berkaitan potensi tanah untuk maksud perternakan dan pertanian berskala besar serta berimpak tinggi.

Sudah tentu kita perlukan penyelarasan dan kepimpinan. Maka, Dasar Pertanian Negara perlu dikaji semula secara bersepadu termasuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pensijilan halalnya. Justeru, satu Pelan Induk Penternakan dan Pertanian Negara perlu diperkenal dan dilaksanakan. Semua pihak termasuk agensi berkaitan pertanian (ABP) dan pemegang taruh yang berkaitan hendaklah bahu-membahu menjayakannya.

Begitu juga modal insan yang perlu diberi latihan dan bantuan berkaitan. Dalam hal ini, pihak universiti mampu menyediakan tenaga pakar dan penyelidik manakala Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi kerajaan yang lain boleh mengendalikannya.

Dalam usaha bersepadu untuk menjayakan pengeluaran makanan berkenaan, selain ABP, agensi lain seperti Jabatan Wakaf, Haji dan Zakat (Jawhar), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Yayasan Waqaf Malaysia, universiti awam dan swasta, Jabatan Hutan, Jabatan Kimia serta Jabatan Pengairan dan Saliran perlu mengorak langkah lebih serius dalam perkara ini.

Namun demikian, semangat dan buah fikiran sahaja masih belum mencukupi. Yang lebih penting adalah mengorak langkah dengan mantap untuk melaksanakannya. Justeru, sektor awam dan kerajaan perlu dibantu dan disokong kuat sektor swasta yang mempunyai kepakaran tinggi. Pakar-pakar pertanian dan penternakan yang ada di dalam negara perlu digembleng bersama pakar dari luar negara.

Namun, yang kita risaukan adalah kecurangan dan kesialan yang menjadi duri dalam daging.

PROFESOR DR ISMAIL OMAR ialah Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (Pertama) dan pensyarah bidang hartanah dan wakaf di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.